



**PERBADANAN TABUNG PEMBANGUNAN KEMAHIRAN
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**
ARAS 11, 15, 16, 17, 18, 19 DAN 27
MENARA DATO' ONN
PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA (PWTC)
NO. 45, JALAN TUN ISMAIL
50530 KUALA LUMPUR



Telefon : 03-8000 8000 (1MOCC)
03-4047 6200
Faks : 03-4047 6142
E-mel : skillsfund@ptpk.gov.my
Laman Web : <http://www.ptpk.gov.my>

Rujukan Kami : PTPK.PLS.600-1/9 JLD 4 (5)
Tarikh : 2 April 2019

"Salam Kemahiran"

**Ketua Eksekutif / Pengarah / Pengurus
Penyedia Latihan Berdaftar Dengan PTPK**

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

**PINDAAN SYARAT PERMOHONAN PINJAMAN LATIHAN KEMAHIRAN (PLK) BAGI
PENDAPATAN KASAR KELUARGA PEMINJAM MELEBIHI RM5,000.00 DI BAWAH SKIM
PINJAMAN LEPASAN SEKOLAH**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga Pengarah Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) Bilangan 1 Tahun 2019 yang bersidang pada 10 Januari 2019 telah bersetuju dengan cadangan pindaan syarat Permohonan Pinjaman Latihan Kemahiran Bagi Pendapatan Kasar Keluarga Peminjam Melebihi RM5,000.00 di bawah Skim Pinjaman Lepas Sekolah seperti berikut:

PENDAPATAN KASAR KELUARGA SEBULAN	JUMLAH PINJAMAN/ PEMBIAYAAN
kurang daripada RM8,000.00 sebulan	Pinjaman Penuh (Yuran & ESH)
di antara RM8,001.00 sehingga RM10,000.00 sebulan	75% Yuran & Insurans Sahaja
di antara RM10,001.00 sehingga RM15,000.00 sebulan	50% Yuran & Insurans Sahaja

3. Sehubungan dengan itu, pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan dipohon mengambil maklum berhubung pindaan syarat permohonan Pinjaman Latihan Kemahiran di atas yang berkuat kuasa mulai permohonan pinjaman Sesi 1 Tahun 2019.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Pekerja Amanah Aspirasi Negara"

(MOHD FATHULLAH BIN MUSTAFA)
Pengurus Besar (Pengurusan)
b.p: Ketua Eksekutif
Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran